



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

WUXU ZHENGBIAN JI DAN KEMUNCULAN PENULISAN SASTERA LAPORAN CINA PADA PENGHJUNG DINASTI QING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TAN YONG LING

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

***WUXU ZHENGBIAN JI DAN KEMUNCULAN PENULISAN
SASTERA LAPORAN CINA PADA PENGHJUNG
DINASTI QING***

TAN YONG LING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (BAHASA CINA)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada....20hb...(hari bulan).....9..(bulan) 2019...

i. Perakuan pelajar :

Saya, TAN YONG LING, M20112001657, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk WUXU ZHENGBIAN JI DAN KEMUNCULAN SASTERA LAPORAN CINA PADA PENGHujung DINASTI QING

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

TAN YONG LING

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR KHOR TEIK HUAT (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk WUXU ZHENGBIAN JI DAN KEMUNCULAN SASTERA LAPORAN CINA PADA PENGHujung DINASTI QING

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut

Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

SARJANA SASTERA (BAHASA CINA) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

20/9/2019

DR KHOR TEIK HUAT

Tarikh

Tandatangan Penyelia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



PustakaTBainun

UPSI/IPS-3/BO 31

Pind.: 01 m/s:1/1

ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

WUXU ZHENGBIAN JI DAN KEMUNCULAN SASTERA LAPORAN
CINA PADA PENGHJUNG DINASTI QING

No. Matrik / Matric No.:

M20112001657

Saya / I :

TAN YONG LING

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan ~~Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-~~

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun ~~dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.~~
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

TAN YONG LING

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

DR KHOR TEIK HUAT

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 15/10/2019

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Saya mula mengikuti pengajian siswazah dalam Sarjana Sastera (Bahasa Cina) yang buat pertama kalinya dianjurkan oleh UPSI semasa semester akhir saya dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda khususnya dalam Bahasa Cina dengan Pendidikan. Selepas menamatkan pengajian sarjana muda, saya tidak terus memilih untuk bergelar pendidik seperti kebiasaan yang dilakukan oleh alumni-alumni UPSI. Tetapi, saya memilih bidang pekerjaan yang berkait rapat dengan Pendidikan, bidang kewartawanan dan penulisan Bahasa Cina. Kini, saya bergelar seorang penulis dan penterjemah Bahasa Cina dalam sektor komunikasi korporat dan perhubungan awam di sebuah institusi swasta. Di samping itu, saya juga memilih tema yang berkaitan dengan penggabungan sastera dan kewartawanan dalam pengajian tesis saya. Saya juga memilih seorang tokoh terkemuka dalam arena pemikiran China Moden Liang Qichao dalam karyanya *Wuxu Zhengbian Ji* sebagai tema pengajian saya. Mengimbaskan kembali perjalanan pengajian ijazah sarjana saya, ianya bukanlah sesuatu perkara yang mudah, tetapi saya tidak pernah menyesal dengan pilihan ini. Sepanjang tempoh ini, pelbagai masalah kesihatan, tekanan kerja dan cabaran kehidupan meyebabkan saya hampir berputus asa, tetapi saya memilih untuk bertahan dan meneruskan pengajian ini, walaupun ianya mengambil masa yang lebih lama, tetapi, saya rasa semua halangan ini mengajar saya bahawa betapa pentingnya kesabaran dalam menuntut ilmu. Oleh itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia pengajian saya yang berpengetahuan luas iaitu Dr Khor Teik Huat. Terima kasih di atas bimbingan, galakan dan sikap toleransinya yang tidak lokek memberikan bimbingan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Terima kasih Dr Khor kerana tidak pernah sesekali berputus asa terhadap saya, malah sentiasa bersama saya untuk meneruskan perjalanan sehingga ke hujung pengajian saya. Tidak lupa juga kepada ahli keluarga dan kekasih saya yang tidak jemu memberikan nasihat, semangat, sokongan fizikal serta mental sepanjang tempoh penyediaan tesis saya. Untuk ibuku yang tersayang, walaupun ibu tiada lagi di sisi saya, tetapi untuk setiap pencapaian penting dalam kehidupan saya, saya tidak pernah lupa untuk berkongsi dengan ibu. Begitu juga kepada rakan-rakan yang sering memberikan sokongan dan galakan kepada saya untuk menyempurnakan tesis ini iaitu KW Chong, PY Wong, MS Loke dan Almass Balkis; serta rakan sekerja yang banyak membantu semasa ketidakhadiran saya dalam tugas kerja. Terima kasih.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

ABSTRAK

Kajian ini meneliti hubungan *Wuxu Zhengbian Ji* 《戊戌政变记》(Riwayat tentang Rampasan Kuasa 1898) yang dikarang oleh Liang Qichao (梁启超) dengan kemunculan penulisan sastera laporan pada penghujung Dinasti Qing. Kajian ini memberi tumpuan kepada sumbangan Liang Qichao sebagai pengasas penting dalam peringkat awal penulisan sastera laporan Cina. Pendekatan Teori Penciptaan Gaya dan Teori Estetik Resepsi digunakan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan sastera laporan. Dapatkan kajian ini menunjukkan karya *Wuxu Zhengbian Ji* merupakan salah satu penulisan sastera laporan yang berpengaruh kepada kemunculan genre sastera laporan yang baharu pada penghujung Dinasti Qing kerana *Wuxu Zhengbian Ji* merangkumi unsur-unsur sastera laporan iaitu unsur keperibadian, unsur kebenaran, unsur kesegeraan, unsur realiti dan unsur sastera. Kesimpulannya, unsur-unsur sastera laporan yang terdapat dalam karya *Wuxu Zhengbian Ji* telah menghasilkan satu bentuk penulisan yang baharu yang digelar "xin wenti" (yang juga digelar sebagai "xinmin ti" <新民体>) dalam penulisan sastera laporan pada penghujung Dinasti Qing. Implikasinya, penulisan sastera laporan telah wujud sebagai satu genre yang penting dalam kesusasteraan Cina zaman moden sejak penghujung Dinasti Qing.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



WUXU ZHENGBIAN JI AND THE EMERGENCE OF CHINESE REPORTAGE WRITING AT THE END OF QING DYNASTY

ABSTRACT

This research examined the relationship between one of the masterpieces from Liang Qichao (梁启超), namely *Wuxu Zhengbian Ji* 《戊戌政变记》 (Memoir of the Coup D' etat of 1898) with the emergence of Chinese reportage at the end of the Qing Dynasty. The study focused on Liang Qichao's contribution as the important founder in the early stages of the Chinese reportage. On top of that, this research shed light on the contribution of Liang Qichao as an important founder in the early stage of Chinese reportage. Hereby, the theories of Creation of Style and Reception Aesthetics approaches have been used to analyse the factors affecting the Chinese reportage writing. The findings show that *Wuxu Zhengbian Ji* was one of the most influential Chinese reportages on the emergence of a new literary genre on reportage during the end of the Qing Dynasty because *Wuxu Zhengbian Ji* comprised the elements of reportage namely the personality, truth, urgency, reality and literary elements. In conclusion, the elements of reportage in *Wuxu Zhengbian Ji* have created a new form of writing, namely as “*xin wenti*” (also known as “*xinmin ti*” <新民体>) in the reportage writing at the end of Qing Dynasty. The implication shows that reportage writing has formed as an important genre in modern Chinese literature since the end of Qing Dynasty.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----



SENARAI RAJAH	xii
----------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN	1
-------------------------	---

1.1 Pernyataan Masalah	5
1.2 Kepentingan Kajian	8
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Soalan Kajian	9
1.5 Batasan Kajian	10

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	13
---------------------------------	----

2.1 Kajian tentang sastera laporan Cina pada masa awal	14
--	----





2.2	Kajian tentang Liang Qichao	17
2.3	Kajian tentang <i>Wuxu Zhengbian Ji</i>	18
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	22
3.1	Kerangka Kajian	22
3.2	Kaedah Kajian	24
3.3	Teori Penciptaan Gaya	25
3.4	Teori Estetika Resepsi	32
3.5	Organisasi Bab	35
BAB 4	PERKEMBANGAN SASTERA LAPORAN CINA PADA ZAMAN MODEN	38
4.1	Konsep dan Ciri-ciri Sastera Laporan	39
4.1.1	Konsep Sastera Laporan	40
4.1.2	Ciri-ciri Sastera Laporan	43
4.2	Perkembangan Sastera Laporan Dunia	53
4.3	Perkembangan Sastera Laporan Cina	58
4.4	Kesimpulan	65
BAB 5	LATAR BELAKANG LIANG QICHAO DAN WUXU ZHENGBIAN	69
5.1	Pendidikan Awal Liang Qichao	70
5.2	Perubahan Pemikiran Liang sebelum dan selepas Gerakan Pembaharuan 100 Hari	76
5.2.1	Sebelum <i>Wuxu Zhengbian</i>	77
5.2.2	Ketika Gerakan Pembaharuan 100 Hari	81





5.2.3	Selepas <i>Wuxu Zhengbian</i>	91
5.3	Hubungan antara Liang Qichao dan Bidang Kewartawanan	108
5.3.1	<i>Zhongwai Jiwen</i>	112
5.3.2	<i>Shiwu Bao</i>	114
5.3.3	<i>Qingyi Bao</i>	120
5.3.4	<i>Xinmin Congbao</i>	123
5.4	Kesimpulan	129
BAB 6	HUBUNGAN DI ANTARA WUXU ZHENGBIAN JI DAN SASTERA LAPORAN CINA	135
6.1	Kajian Teks <i>Wuxu Zhengbian Ji</i>	137
6.1.1	<i>Wuxu Zhengbian Ji</i> yang diterbitkan di <i>Dongya Shibao</i> dan <i>Qingyi Bao</i>	138
6.1.2	<i>Wuxu Zhengbian Ji</i> Versi Lapan Bab dan Versi Sembilan Bab	145
6.2	Ciri-ciri Sastera Laporan yang terdapat pada <i>Wuxu Zhengbian Ji</i>	150
6.2.1	Unsur Keperibadian dan Kebenaran	151
6.2.2	Unsur Kesegeraan dan Realiti	162
6.2.3	Unsur Sastera	168
6.3	<i>Xin Wenti</i> dan Sastera Laporan Liang Qichao pada peringkat embrionik - <i>Wuxu Zhengbian Ji</i>	178
6.4	Kesimpulan	187
BAB 7	PENCERAHAN DAN PENGARUH LIANG DALAM BIDANG KEWARTAWANAN DAN SASTERA LAPORAN CINA	190
7.1	Pencerahan Liang melalui Bidang Kewartawanan dan Sastera Laporan	191





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

7.2	Pengaruh Liang dalam Bidang Kewartawanan dan Sastera Laporan	197
7.2.1	Hubungan Liang Qichao dengan Parti Revolusi	198
7.2.2	Pengaruh Liang kepada wartawan yang menulis sastera laporan	205
7.3	Kesimpulan	217
BAB 8 KESIMPULAN		219
RUJUKAN		226



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
5.1 Tarikh Pengeluaran dan Jumlah Bilangan Penerbitan Akhbar-akhbar yang dipengerusi oleh Liang.	111
6.1 Tarikh Pengeluaran, Senarai dan Penyusunan Bab <i>Wuxu Zhengbian Ji</i> pada <i>Dongya Shibao</i> .	139
6.2 Tarikh Pengeluaran, Senarai Jilid, Senarai dan Penyusunan Bab <i>Wuxu Zhengbian Ji</i> pada <i>Qingyi Bao</i> .	141
6.3 Perbezaan pemaparan “Riwayat Maharaja Mulia” di antara <i>Dongya Shibao</i> dan <i>Qingyi Bao</i> .	144
6.4 Perbezaan di antara <i>Wuxu Zhengbian Ji</i> Versi Lapan Bab dan Versi Sembilan Bab.	147
7.1 Akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh Parti Pembaharuan dan Parti Revolusi dan tempat pengeluaran.	201





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian <i>Wuxu Zhengbian Ji</i> dan Kemunculan Penulisan Sastera Laporan Cina pada Penghujung Dinasti Qing.	23
3.2 Pembentukan <i>style</i> melalui penciptaan personaliti yang terbentuk melalui gabungan faktor-faktor objektif dan subjektif seseorang penulis.	27
3.3 Aplikasi Kerangka Teori Penciptaan Gaya dan Teori Estetika Resepsi dalam penulisan Liang dalam karyanya <i>Wuxu Zhengbian Ji</i> .	35
5.1 Pengaruh pelbagai pemikiran Jepun yang diterima oleh Liang.	95





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Sastera Laporan / Laporan penulisan sastera (报告文学 *reportage*) merupakan salah satu jenis eseи, teks komunikasi, lakaran atau cerita feature yang membawa ciri-ciri kesusasteraan. Ia juga merupakan penulisan yang melibatkan imej pembentukan artistik ke atas kisah benar yang dapat menggambarkan kehidupan nyata. Walaupun penulisan “sastera laporan” melibatkan penambahan ciri-ciri artistik tetapi ia bukan merupakan tulisan fiksyen, ia juga merupakan satu bentuk medium penyebaran berita dengan pengisahan benar. (lihat Xu, 2004, hlm. 133) Pengarang sastera laporan Cina,



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Li Bingyin (李炳银, 2009) memberikan komen menyatakan kemunculan sastera laporan merupakan keinginan orang ramai untuk mendapatkan maklumat (hlm. 2).

Sebenarnya, “sastera laporan” bukan penulisan berita, dan juga bukan merupakan penulisan sastera yang tulen, tetapi ia merupakan sejenis penulisan yang melibatkan gabungan antara bentuk penulisan sastera dan berita. Penulisan “sastera laporan” melibatkan pemerhatian, penemuan dan persefahaman penulis terhadap sesuatu keadaan atau peristiwa dan seterusnya menggunakan teknik penulisan artistik untuk menghasilkan karya-karya sastera laporan.

Menurut pengarang sastera laporan Cina, Yin Junsheng (尹均生 2009), sastera laporan dibangkitkan di negara Barat ketika Revolusi Perindustrian pada abad ke-19 dan menemui perkembangan pesat pada abad ke-20. Hal ini demikian kerana ketika itu merupakan masa perkembangan pesat bagi negara-negara Barat. Pengarang Rusia, Maxim Gorky (1890-an) berpendapat, “sastera laporan merupakan literatur yang paling menarik pada ketika itu.” (lihat Yin, 2009, hlm. 1) Dengan berlakunya revolusi perindustrian, pengenalan orang Eropah terhadap diri dan semula jadi mengalami perubahan - manusia adalah satu kewujudan masyarakat bukan satu kewujudan moral yang menghadapi terhadap tuhan. Oleh itu, penulisan baru diperlukan untuk tujuan penerangan terhadap perubahan objektif ini. Manakala pengarang Perancis, Jean-Paul Sartre (1944) juga berpendapat, “sastera laporan merupakan salah satu aliran sastera dan akan menjadi karya sastera yang paling penting pada masa akan datang.” (lihat Yin, 2009, hlm. 1) Di negara China pula, sasterawan moden terkenal Mao Dun (1937) pula berpendapat, “Karya sastera laporan boleh ditakrifkan sebagai karya sastera yang unggul seperti karya fiksyen, puisi, sajak, drama dan sebagainya.”





Padahalnya, sastera laporan tidak wujud dalam tradisi genre penulisan Cina, dan ia dibawa masuk ke China pada zaman moden. Pengarang sastera laporan Cina Yin Junsheng dalam bukunya yang bertajuk *Guoji Baogao Wenxue de Yuanqi he Fazhan* (《国际报告文学的源起和发展》 Pengasalan dan Perkembangan Sastera Laporan Antarabangsa) menyatakan bahawa kebanyakan karya pada akhir abad ke-19 merupakan karya perwakilan peringkat embrionik bagi sastera laporan Cina (lihat Yin, 2009, hlm. 5). Beliau menyatakan, pada akhir abad ke-19, selepas kegagalan Gerakan Pembaharuan 100 Hari (Reformasi 100 Hari)¹, Kang Youwei terpaksa melarikan diri ke luar negara dan Kang pernah bersinggah di Eropah selama lima tahun. Pada tahun 1905, Kang berjaya mengarang sebuah buku yang bertajuk *Ouzhou Shiyiguo Youji* (《欧洲十一国游记》 Travels notes of the 11 European countries / Catatan Pengembara ke 11 Negara-negara Eropah). Manakala, Liang Qichao bersinggah di Jepun dan berjaya mengarang *Wuxu Zhengbian ji* (《戊戌政变记》 Memoirs of the Coup d'Etat of 1898 / Riwayat tentang Kejadian Rampasan Kuasa pada tahun 1898) untuk menerangkan sebab akibat kejadian Gerakan Pembaharuan 100 Hari serta perwiraan para tokoh reformasi dengan lebih terperinci. Pada tahun 1903, Liang telah mengarang sebuah buku yang bertajuk *Xin Dalu Youji* (《新大陆游记》 Travels notes of the new continent / Catatan Pengembara ke Benua Baru), menyatakan keadaan politik, ekonomi, perubahan masyarakat sebenar di Amerika Syarikat pada ketika itu. Di samping itu, pernyataan diselingi dengan pendapat Liang terhadap keadaan yang diperhati olehnya. Ini merupakan penciptaan karya sastera laporan Cina

¹ Gerakan Pembaharuan 100 Hari (戊戌变法) adalah pembaharuan politik, budaya, ekonomi dan pendidikan Negara China selama 103 hari yang dimulakan pada 11 Jun 1898. Gerakan ini dipimpin oleh Kang Youwei dan Liang Qichao dengan sokongan Maharaja Guangxu. Akan tetapi reformasi ini gagal dilaksanakan akibat tentangan daripada pihak Maharani Balu Cixi dan kumpulan konservatif. Kegagalan reformasi menyebabkan Kang Youwei dan Liang Qichao lari diri ke luar negeri dimulakan pada 11 Jun 1898.





pada peringkat embrionik. Catatan pengembara yang dihasil pada ketika itu merupakan pemerhatian dan pencatatan pengarang China semasa melawat ke negara Barat. Karya-karya yang dihasil pada ketika itu perlu dianggap sebagai karya sastera laporan pada peringkat embrionik (lihat Yin, 2009, hlm. 1).

Salah satu pengarang sastera laporan Cina, Ding Xiaoyuan dalam jurnalnya yang bertajuk *Liang Qichao Baogao Wenxue Dianjizhe* (《梁启超：报告文学奠基者》 Liang Qichao sebagai Pengasas Sastera Laporan Cina) (lihat Ding, 1999, ver 1, hlm. 87) menyokong identiti Liang Qichao sebagai pengasas sastera laporan Cina. Ding berpendapat sedemikian kerana Liang mempunyai *multiple identities* sebagai *newspaperman, thinker* dan *litterateur*, dan memainkan peranan sebagai pengasas karya penulisan baru. Pendapat yang sama dari Axel Schneider dan Stefan Tanaka (2011) yang juga menyatakan Liang merupakan seorang penulis yang produktif dan juga wartawan serta intelektual moden Cina yang membawa kesan yang mendalam terhadap perkembangan penulisan Cina (lihat Schneider A. dan Tanaka S., 2011, hlm. 508).

Berdasarkan pendapat para pengarang sastera laporan di atas, jelasnya sastera laporan Cina diwujudkan pada zaman moden Cina yang menghadapi pelbagai masalah dan mempunyai konteks sejarah yang unik serta berlainan dengan keadaan di negara Barat. Kajian sastera laporan semakin penting disebabkan oleh penulisan sastera laporan menjadi semakin umum di kalangan masyarakat kini. Oleh sedemikian, membuat kajian atas asal-usul sastera laporan adalah berealiti.





1.1 Pernyataan Masalah

Pada akhir abad ke-19 telah berlaku peralihan sastera klasik Cina kepada sastera moden Cina, dan ia merupakan satu peringkat embrionik bagi sastera moden negara China termasuk sajak, prosa, cerpen, drama dan sebagainya. “Embrionik (*embryonic*)” membawa maksud peringkat asas sesuatu sistem, idea atau organisasi yang berpotensi berkembang pada masa akan datang. Peringkat embrionik (萌芽期) dalam kajian ini merujuk kepada perkembangan sastera laporan pada peringkat asas yang istilah “sastera laporan” sedang diperkenalkan di negara China. Dengan ini, karya-karya sastera laporan pada peringkat embrionik di negara China telah diiktiraf berlaku pada akhir abad ke-19 oleh para pengarang sastera laporan, tetapi pengkaji ingin membuat kajian yang lebih mendalam dengan membincangkan peranan Liang



sebagai salah seorang pengasas atau *pioneer* sastera laporan Cina yang terkemuka melalui karyanya yang bertajuk *Wuxu Zhengbian ji*. Pengkaji bersetuju dengan pendapat Ding Xiaoyuan (lihat Ding, 1999, ver 1, hlm. 87) yang menyokong Liang sebagai pengasas sastera laporan Cina dengan *multiple identities* sebagai *newspaperman, thinker* dan *litterateur*. Dengan jelasnya dapat dikesan penulisan sastera laporan merupakan penulisan baru pada zaman moden negara China dan Liang memainkan watak penting dalam proses kemunculan dan perkembangan sastera laporan Cina.

Sebenarnya, Liang terkenal dengan identitinya sebagai ahli politik dan ahli pemikir, sebaliknya identitinya sebagai *newspaperman* tidak dijadikan tumpuan. Walau bagaimanapun, Liang masih dianggap sebagai “pengasas bidang kewartawanan negara China pada zaman moden” (lihat Zhang, 2009, hlm. 113),





“wartawan yang paling hebat pada zaman moden Cina” (lihat Zheng, 2009, hlm. 54).

Ini dapat menyatakan pengaruh besar Liang terhadap bidang kewartawanan pada ketika itu. Reformasi politik moden dan sektor penyebaran (akhbar) pada ketika itu mempunyai hubungan yang erat. Oleh itu, tidak dapat dielakkan Liang sebagai ahli politik yang terkemuka juga merupakan wartawan yang cemerlang kerana derianya yang sensitif dan akuiti. Pengkaji ingin membuat kajian yang lebih lanjut terhadap sebab-sebab Liang mula menulis karya-karya sastera laporan yang diganggap sebagai penulisan baru pada ketika itu?

Wuxu Zhengbian ji merupakan rujukan yang terpenting bagi kajian Gerakan Pembaharuan 100 Hari. Ia mencatat tentang punca dan akibat Gerakan Pembaharuan 100 Hari dengan membahagikan kepada beberapa bahagian iaitu kebenaran reformasi,

asal-usul pembuangan dan penentuan, sebelum Gerakan Pembaharuan 100 Hari, semasa Gerakan Pembaharuan 100 Hari dan biografi enam wira yang terkorban dalam perjuangan tersebut. Liang merupakan watak perjuangan penting dalam Gerakan Pembaharuan 100 Hari dan dapat menerangkan hal sebenar dengan teliti dalam tulisannya. Perlu ditegaskan ialah *Wuxu Zhengbian Ji* bukan sekadar penulisan berita tetapi ia melibatkan teknik penulisan artistik untuk menceritakan hal sebenar kepada orang ramai. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji bagaimana Liang dianggap sebagai salah seorang pengasas sastera laporan Cina dengan menggunakan karyanya *Wuxu Zhengbian Ji*.

Di samping itu, mengapa Liang memilih bentuk penulisan “sastera laporan” juga baloi diambil perhatian. Sebagaimana yang disebutkan di atas, sastera laporan merupakan perkataan yang diperkenalkan dari Barat ke China, tetapi tulisan yang





serasi dengan sastera laporan telah wujud sebagai prototaip dalam sastera klasik Cina (lihat Yin, 2009, hlm. 159). Salah satu pendapat ialah sastera laporan Cina wujud sejak dahulu kerana *Shiji* (《史记》 *Records of the Grand Historian* / Catatan Sejarah Agung) yang dikarang oleh Sima Qian mempunyai unsur-unsur sastera laporan yang membawa impak kepada zaman kemudiannya. Sima Qian telah membuka teknik penulisan baru yang berlainan daripada penulis yang terdahulu, dengan penulisan gaya biografi untuk mencatat biografi seseorang raja, wira dan individu yang berpengaruh. Sima Qian menulis atas idea dan pendapat sendiri terhadap sejarah dan masyarakat dan tidak dipengaruhi oleh pemerintah,. Selain itu, Sima Qian merupakan seorang yang berfikiran demokrasi. Oleh itu, *Shiji* merupakan sebuah karya yang menaruhkan ideal dan impiannya (lihat Chu, 1997, hlm. 433).

Dengan ini, pengkaji ingin mengkaji adakah penulisan sastera laporan Liang juga



dipengaruhi oleh kesasteraan tradisional yang dipelajarinya semasa kecil? Liang pernah menyatakan cerita semasa kecil dalam *Sanshi Zishu* (《三十自述》 Riwayat Diri semasa Usia Tiga Puluh) yang menyatakan “disebabkan keluarga miskin dan tiada buku untuk dibaca, hanya terdapat *Shiji* dan *Gangjian Yizhi Lu* (《纲鉴易知录》 Catatan Sejarah Am China) di rumah dan bapa mendidiknya dengan menggunakan karya ini. Oleh itu, kebanyakan esei dalam *Shiji* dapat dihafal olehnya.” (lihat Ding dan Zhao, 2008, hlm. 12) Karya-karya klasikal dalam pendidikan awal Liang memainkan peranan penting dalam pemikiran dan penulisannya semasa dewasa.

Apakah media yang digunakan untuk memaparkan *Wuxu Zhengbian Ji*? Adakah bentuk media ini berpengaruh dan apakah peranan media ini dalam kewujudan penulisan sastera laporan Liang? Akhirnya, bagaimanakah penulisan Liang ini membawa pengaruh kepada kewujudan sastera laporan pada masa itu?





1.2 Kepentingan Kajian

Sebenarnya kajian tentang peringkat embrionik sastera moden Cina telah mendapat tumpuan para sarjana Cina terutamanya sekali berkenalan dengan genre prosa, novel, puisi dan drama. Akan tetapi sastera laporan masih belum mendapat tumpuan yang sepatutnya. Kajian terhadap sastera laporan Cina pada peringkat embrionik adalah penting kerana penulisan sastera laporan merupakan bentuk tulisan akhbar yang berterusan serta berkekalan sehingga abad kini dan asal usul sastera laporan perlu dikaji untuk memberikan inspirasi kepada pengarang yang berusaha dalam sastera laporan, terutamanya ciri-ciri kebenaran yang hendak disampaikan kepada pembaca. Sastera laporan diwujudkan dalam zaman perkembangan pesat ini dan tujuannya tidak dapat dipisahkan dengan “memberikan maklumat” yang tepat kepada orang ramai dalam masa yang singkat.



Pengkaji memilih Liang Qichao dan karyanya *Wuxu Zhengbian Ji* sebagai kajian utama kerana Liang memainkan peranan penting dalam sejarah moden Cina. Seperti pengenalan di atas, Liang merupakan seorang tokoh intelektual serta tokoh politik yang terkemuka dan juga watak penting dalam Gerakan Pembaharuan 100 Hari. Bilangan kajian atas peranan Liang dalam perjuangan Gerakan Pembaharuan atau sejarah moden Cina adalah banyak dan pengkaji tidak berhasrat untuk mengulang kajian atas bidang ini. Akan tetapi, peranan Liang dalam bidang kewartawanan, terutamanya bidang sastera laporan Cina kurang mendapat perhatian. Justeru itu, pengkaji ingin mengkaji usaha Liang dalam bidang sastera laporan Cina dan membuktikan peranannya sebagai pengasas sastera laporan Cina semasa peringkat embrionik.





Selain itu, kajian ini penting kerana dengan mengkaji teks sastera *Wuxu Zhengbian Ji* dapat meninjau bagaimananya gaya penulisan Liang mempengaruhi pembacaan orang ramai.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini menjurus kepada objektif-objektif berikut:

- i. Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan sastera laporan Liang Qichao.
- ii. Menganalisis peranan dan pengaruh Liang Qichao sebagai salah seorang pengasas sastera laporan Cina pada peringkat embrionik dengan mengkaji karyanya iaitu *Wuxu Zhengbian Ji*.



1.4 Soalan Kajian

- i. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan sastera laporan Liang Qichao?
- ii. Apakah peranan dan pengaruh Liang Qichao sebagai salah seorang pengasas sastera laporan Cina pada peringkat embrionik dengan mengkaji karyanya iaitu *Wuxu Zhengbian ji*?





1.5 Batasan Kajian

Seperti yang dinyatakan dalam bahagian pengenalan, kebanyakan karya pada akhir abad ke-19 merupakan karya representatif pada peringkat embrionik bagi sastera laporan Cina. Antaranya seperti catatan pengembara dan penulisan politik. Sebagai contohnya, *Ouzhou Shiyiguo Youji* yang dikeluarkan oleh Kang Youwei dan *Wuxu Zhengbian Ji* yang dikeluarkan oleh Liang Qichao merupakan penghasilan selepas kegagalan Gerakan Pembaharuan 100 Hari pada tahun 1898. Pengkaji memilih *Wuxu Zhengbian Ji* sebagai teks pengajian Liang sebagai salah seorang pengasas sastera laporan Cina kerana karya ini memainkan peranan penting dalam sejarah Gerakan Pembaharuan 100 Hari dan juga sejarah China. *Wuxu Zhengbian Ji* pertama kali dipaparkan di *Qingyi Bao* (《清议报》The China Discussion / Akhbar *Qingyi*) pada



tahun 1898. Kajian teks dilakukan untuk mengkaji pengaruh gaya penulisannya yang mendapat sambutan hangat di kalangan orang ramai. Pengaruh ini merangkumi semangat dan ideologi yang hendak disampaikan kepada orang ramai.

Seperti yang dinyatakan terdahulunya, Liang terkenal dengan *multiple* identitinya sebagai ahli pemikir, ahli politik, sasterawan dan sebagainya. Kajian ini mementingkan identitinya sebagai *newspaperman* dan peranannya dalam bidang kewartawanan. Oleh itu, identitinya yang lain tidak difokuskan tetapi kadang-kadang akan disebut untuk menunjukkan keunikannya sebagai seorang wartawan yang ketara dan berpengetahuan luas. Sebagai contoh, penulisan sastera laporan merupakan penulisan selepas kegagalan pergerakan politik, dan ia juga terlibat dengan unsur-unsur pembentukan artistik ke atas kisah benar yang dapat menggambarkan kehidupan nyata, maka identiti Liang sebagai ahli politik dan sasterawan perlu





diperhatikan. Pendek kata, ia adalah gabungan antara bentuk penulisan sastera dan berita. Tidak dapat dinafikan dengan identiti Liang yang dapat mengendalikan penulisan sastera laporan dengan baik dan mungkin tiada sesiapa yang setanding pada ketika itu.

Liang merupakan pengarang yang produktif dan karyanya merangkumi pelbagai aspek. Akan tetapi, pengkaji hanya akan memfokuskan karyanya yang ditulis selepas Gerakan Pembaharuan 100 Hari iaitu *Wuxu Zhengbian Ji*. Selain daripada versi asal yang terpapar dalam *Qingyi Bao*, *Wuxu Zhengbian ji* juga diterbitkan kepada dua versi iaitu versi sembilan bab dan versi lapan bab. Versi yang dirujuk oleh pengkaji ialah versi yang dipapar di *Qingyi Bao* kerana pengkaji berpendapat versi ini merupakan versi yang paling asal dan menepati ciri-ciri sastera laporan ketepatan masa.² Surat³ khabar dapat menggambarkan “ekologi baru” yang paling asal bagi artikel ini di mana pengkaji dapat mengkaji dan memahami situasi dan keadaan yang wujud pada masa penerbitan artikel ini. Versi yang digunakan ialah *Qingyi Bao* yang dijilid dan diterbit oleh *Zhonghua Book Company* (中华书局) dalam siri *Zhongguo Jindai Qikan Huikan* (《中国近代期刊汇刊》 Koleksi Jurnal Zaman Moden Negara China).

Akan tetapi, pengkaji juga akan merujuk kepada versi sembilan bab² dan lapan bab³ dalam kajian ini. Di samping itu, kajian yang dirujuk untuk menganalisis perbezaan antara versi sembilan bab dan lapan bab ialah jurnal yang dikarang oleh Hazama Naoki (狭间直树) yang bertajuk *Liang Qichao Wuxu Zhengbian Ji*

² *Wuxue Zhengbian ji*, fotokopi dari Wenhui Chuban She (文海出版社, tahun penerbitan tidak pasti).

³ *Wuxue Zhengbian ji*, Guangzhi Shuju (广智书局, tahun penerbitan tidak pasti).





Chengshukao (梁启超《戊戌政变记》成书考 Kajian tentang Penghasilan *Wuxu Zhengbian Ji* oleh Liang Qichao) (lihat Hazama, 1997). Kajian Hazama ini membantu pengkaji memahami perbezaan *Wuxu Zhengbian Ji* dalam versi *Qingyi Bao*, lapan bab dan sembilan bab dengan lebih teliti dari segi kandungan, tujuan penyebaran pemikiran, tujuan politik dan sebagainya. Dengan ini, pengkaji telah memilih versi *Qingyi Bao* sebagai teks kajian utama kerana versi ini merupakan versi yang paling asal berbanding dengan versi-versi yang kemudiannya yang telah diperbetulkan.

Keterangan lanjut mengenai kajian versi-versi *Wuxu Zhengbian ji* akan dibincangkan dalam bab 6.

